

# BAB 1

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENDAHULUAN

Hidup manusia di bumi ini bukanlah suatu kehidupan yang tidak mempunyai tujuan dan matlamat dan bukanlah mereka boleh melakukan sesuatu mengikut kehendak perasaan dan keinginan tanpa ada batas dan tanggungjawab. Tetapi penciptaan makhluk manusia di bumi ini adalah mempunyai suatu tujuan dan tugas yang telah ditentu dan ditetapkan oleh Allah Tuhan yang menciptanya.

Tugas dan tanggungjawab manusia sebenarnya telah nyata dan begitu jelas sebagaimana terkandung di dalam al-Quran iaitu tugas melaksanakan ibadah, mengabdikan diri kepada Allah dan tugas sebagai khalifahNya dalam makna mentadbir dan mengurus bumi ini mengikut undang-undang Allah dan peraturanNya.

Firman Allah SWT :

﴿ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴾

Maksudnya : Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah (menyembah) kepada Ku.

( Surah adz-Dzariyaat (51) : 56 )

Firman Allah SWT :

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ  
بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيُبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ  
وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya : Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah (penguasa-penguasa) di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darjat untuk mengujiMu tentang apa yang diberikanNya kepadaMu.

( Surah al-An'am (6) : 165)

Islam kini dianuti oleh lebih satu bilion manusia yang menjadikannya salah satu agama. Islam pernah menguasai dua pertiga daripada penjuru dunia ini menjangkau lima benua dan tujuh lautan. Tinggalan Islam itu masih dapat dilihat. Walaupun empayar kegemilangan Islam hanya tinggal dalam lipatan sejarah tetapi perkembangan Islam masih lagi berlangsung sehingga masa kini.

Ini dapat diperhatikan melalui bilangan orang yang baru menganut Islam yang dipanggil sebagai Saudara Kita bukan sahaja di negara kita iaitu Malaysia tetapi juga di negara-negara lain hatta di barat sekalipun. Masyarakat Islam perlu menyedari bahawa golongan Saudara Kita ini, merupakan aset yang berharga dalam konteks dakwah dan masyarakat Islam itu sendiri.

Sewajarnya setiap umat Islam perlu meningkatkan usaha dalam meletakkan agama Islam tetap unggul dan syumul di mata dunia. Jika dilihat senario yang terjadi di Malaysia kini, kita dapati isu pengislaman Saudara Kita kian meningkat dari hari ke hari. Oleh yang demikian, adalah kewajipan setiap umat Islam memastikan

saudara sesama Islam itu tidak kembali kepada kepercayaan lamanya disebabkan kecuaiannya umat Islam itu sendiri. Begitu banyak alternatif lain yang boleh dilakukan dalam membimbing dan membantu mereka dalam mendalami ajaran Islam terutama dalam ibadah khusus selepas ajaran akidah. Justeru setiap pihak perlulah mengambil sikap yang lebih prihatin terhadap Saudara Kita ini dalam usaha membantu dan membimbing mereka.

Ibadah khusus ialah semua amalan yang tercantum dalam bab *al-ibadat* yang utamanya ialah solat, puasa, zakat dan haji. Ibadah umum pula ialah segala amalan dan segala perbuatan manusia serta gerak-geri dalam kegiatan hidup mereka, terutama dalam hubungannya dengan masyarakat. Ibadah juga sering dikaitkan dengan perkara seperti solat, puasa, zakat dan haji. Perkara itu adalah ibadah khusus, iaitu perkara yang wajib dilakukan oleh orang Islam sebagai satu cara mengabdikan diri kepada Allah SWT. Namun, tidak ramai yang beranggapan bahawa hidup ini adalah satu cara beribadah kepada Allah SWT. Bermula dari bangun tidur pada sebelah pagi sehinggalah waktu tidur semula pada malamnya, malah tidur itu sendiri adalah suatu ibadah jika dilaksanakan mengikut cara yang diajarkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Ini adalah kerana Islam ialah satu cara hidup yang lengkap dan syumul yang merangkumi semua aspek kehidupan. Islam tidak terbatas hanya kepada ibadah khusus semata-mata, malah lebih daripada itu. Setiap gerak-geri, perbuatan, amalan dan fikiran dikehendaki supaya berlandaskan kepada ajaran Islam. Di sinilah letaknya keindahan Islam kerana Islam adalah agama lengkap yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia sebagai panduan kepada kesejahteraan hidup duniawi dan ukhrawi.

Sehubungan dengan itu, setiap masyarakat Islam perlulah menerima Saudara Kita sebagai saudara sendiri kerana apabila mereka memeluk agama Islam secara automatik ia telah menjadi saudara bagi semua umat Islam. Oleh yang demikian, setiap umat Islam berhak mendapat pembelaan yang sama dari saudaranya semuslim. Pembelaan dalam ertikata tunjuk ajar, bimbingan dan perlindungan sehingga ia boleh berdikari dan mempertahankan akidah Islamnya.

Justeru itu, kajian ini akan mengetahui dan menganalisis tentang kefahaman dan pelaksanaan Saudara Kita tentang ibadat khusus serta mengenalpasti tindakan organisasi-organisasi yang terlibat dalam pembelaan Saudara Kita.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Walaupun Islam dimaktubkan sebagai agama rasmi negara, namun segala urusan yang bersangkutan dengan agama Islam terletak di bawah kuasa DYMM. Sultan-sultan serta kerajaan-kerajaan negeri, sementara Kerajaan Pusat hanya mempunyai Jabatan Agama Islam yang bertugas semata-mata untuk menyelaraskan hal-hal yang bersangkutan dengan agama Islam di seluruh Malaysia dan menetapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong menjadi ketua agama Islam bagi Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri yang tidak mempunyai raja atau sultan seperti Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak<sup>1</sup>.

Di bawah penjajahan Inggeris, meskipun berdasarkan perjanjian, kerajaan Inggeris tidak mencampuri hal-hal yang bersangkutan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu dan bumiputera yang lain. Badan-badan missionari Kristian

---

<sup>1</sup> M.Y. Jaafar (1991), "*Islam Cabaran Dan Isu Semasa : Pengalaman PERKIM Tentang Saudara Kita : Masalah Dan Penyelesaian*", dalam Ismail Abdul Rahman *et al.* , Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 51-52.

dibenarkan bergerak dengan berleluasa terutamanya dalam kalangan penduduk Melayu yang bukan Islam iaitu Cina, India dan suku-suku bumiputera yang menganut kepercayaan datuk nenek mereka di Sabah dan Sarawak seperti Suku Kadazan, Murut, Iban, Melanau dan sebagainya. Dengan kegiatan-kegiatan dan misi yang tersusun rapi dan teratur, agama Kristian telah dapat menguasai dan mempengaruhi sejumlah penduduk yang agak besar jumlahnya dalam kalangan kaum Cina dan India di Semenanjung Malaysia dan dalam kalangan suku kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Mereka menjalankan dakwah Kristian melalui pembangunan dan penyelenggaraan sekolah-sekolah terutamanya di Sabah dan Sarawak dan mendirikan hospital-hospital dan rumah kebajikan dan sebagainya. Mereka juga banyak mendirikan seminar sekolah-sekolah, latihan agama atau mengadakan seminar dari sekolah-sekolah agama atau teologi yang menghasilkan banyak missionari-missionari dari kalangan anak tempatan. Sebaliknya dalam kalangan umat Islam pula, tidak ada suatu usaha yang dilakukan ke arah menjalankan dakwah Islamiah dalam kalangan rakyat Malaysia yang bukan Islam secara teratur dan tersusun sebelum PERKIM ditubuhkan pada tahun 1960<sup>2</sup>.

Namun begitu, masa kini pelbagai pertubuhan dakwah Islamiah yang terdapat di seluruh Malaysia umumnya hanya bergerak dalam kalangan umat Islam sendiri dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan ketaqwaan umat Islam dalam ajaran agama Islam. Tidak ketinggalan juga kepada yang bukan Islam memeluk agama Islam yang dipanggil sebagai Saudara Kita juga memerlukan perhatian. Satu hal yang perlu mendapat perhatian dalam melakukan dakwah keluar seperti tindakan

---

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 53-54.

susunan atau memantau daripada kegiatan pengislaman itu. Dengan berhasilnya mengislamkan orang bukan Islam, tidaklah bererti tugas itu sudah selesai atau bertambah ringan. Maka ia menjadi tugas badan-badan dakwah dan umat Islam seluruhnya memberi perhatian kepada mereka sehingga apa yang mereka harapkan dari Islam itu tidak hampa dan sia-sia sahaja<sup>3</sup>.

Selain itu, kedudukan Saudara Kita juga masih agak terkebelakang dalam beberapa aspek terutamanya dari sudut pendidikan, pelaksanaan, pembelajaran agama dan kebajikan Saudara Kita. Di samping itu, Saudara Kita juga menghadapi ancaman gerakan agama Kristian. Ini dapat dilihat daripada kes-kes Saudara Kita di pedalaman yang dilaporkan terpengaruh dengan agama Kristian. Gerakan agama Kristian yang semakin bergiat menyebabkan Saudara Kita kembali semula kepada agama asal mereka di samping tidak ada bimbingan yang berterusan dan keprihatinan bagi memantapkan lagi keimanan dan keyakinan mereka terhadap agama Islam. Kerana ini, tanggungjawab Jabatan-jabatan Agama Islam dan masyarakat Islam dalam membantu dan membimbing Saudara Kita ke arah pemantapan akidah serta ibadat dalam memupuk rasa tanggungjawab terhadap agama Islam serta menerapkan nilai-nilai murni Islam sendiri dan kehidupan dalam kalangan Saudara Kita. Walaubagaimanapun apakah aktiviti-aktiviti bimbingan dan bantuan dari Jabatan-jabatan Agama Islam ini mencukupi untuk mereka memahami serta menghayati ajaran Islam dalam seluruh kehidupan mereka terutama perkara yang berkaitan dengan ibadat khusus.

Sehubungan ini, kajian ini bertujuan untuk meneroka dan membincangkan tentang kefahaman dalam kalangan Saudara Kita dalam ibadat khusus seperti solat,

---

<sup>3</sup> *Ibid.*

puasa, zakat dan haji serta mengambil beratnya mereka terhadap pelaksanaannya selepas pengislaman mereka. Di samping mengkaji peranan yang dimainkan oleh Urusetia Saudara Kita (USK) dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dalam memberi pemahaman ibadat khusus serta asas dalam Islam dan sekaligus bagaimana pelaksanaan ibadat khusus oleh Saudara Kita di dalam kehidupan selepas pengislaman mereka.

Namun begitu, pengkaji mengakui masih terdapat kekurangan terhadap kajian ini yang perlu kepada sokongan kajian lain di masa hadapan dan kebanyakan kajian seperti ini hanya tertumpu kepada tajuk-tajuk seperti akidah terhadap Saudara Kita, bagaimana penghayatan Islam itu sendiri, pengurusan dakwah oleh Jabatan Agama Islam terhadap Saudara Kita serta yang berkaitan dengan metodologi dakwah.

Justeru, kajian adalah untuk mengetahui dan menilai tahap kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus dalam kalangan Saudara Kita di Urusetia Saudara Kita (USK) Kuching, Sarawak dan dalam memupuk rasa tanggungjawab pengkaji terhadap agama Islam. Kajian disertasi ini juga merupakan sumbangan pengkaji kepada dunia keilmuan dan menambah koleksi khazanah tulisan ilmiah untuk pengetahuan umum. Di samping itu, pengkaji merasakan perlunya dibuat kajian tentang kefahaman dan pelaksanaan Saudara Kita terhadap asas-asas keimanan seperti ibadat khusus agar mereka dapat menghayati ajaran Islam dengan sebaiknya dalam kehidupan mereka.



### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Saudara Kita adalah masyarakat Islam yang dimuliakan di sisi Allah yang memerlukan bimbingan dan keprihatinan bagi memantapkan lagi keimanan dan keyakinan mereka terhadap agama baru yang mereka anuti iaitu Islam.

Kedudukan Saudara Kita masa kini masih agak terkebelakang dalam beberapa aspek terutamanya dari sudut pendidikan, pembelajaran agama, kebajikan Saudara Kita dan kefahaman serta pelaksanaan ajaran Islam oleh Saudara Kita itu sendiri. Di samping itu, Saudara Kita juga menghadapi ancaman gerakan agama Kristian. Ini dapat dilihat daripada kes-kes Saudara Kita di pedalaman yang dilaporkan terpengaruh dengan agama Kristian. Sering kita dengar tentang isu Saudara Kita yang kembali kepada agama asal mereka kerana tidak ada bimbingan berterusan serta masalah yang mereka hadapi seperti layanan buruk dari masyarakat Islam terhadap Saudara Kita dan juga mengalami krisis indentiti yang sukar untuk sesuaikan diri dalam agama Islam. Daripada sorotan isu seperti berikut, menyebabkan pengkaji ingin membuat kajian ini.

Justeru, pengkaji telah mengenalpasti permasalahan yang menjadi pokok persoalan kajian dan merasa isu sebenar berkaitan ibadat khusus ini adalah bagaimana kefahaman dan pelaksanaan ibadah solat, puasa, zakat dan haji yang sebenar dalam Islam dan wajarkah ibadah ini diteruskan dalam kehidupan Saudara Kita, di samping mengkaji peranan yang di mainkan oleh USK dalam aktiviti-aktiviti dakwah seperti ibadat terutama dalam memberi kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus kepada Saudara Kita. Bagi pengkaji, amat penting untuk mengetahui bagaimana kefahaman dan pelaksanaan dalam kalangan Saudara Kita di Negeri Sarawak ini dalam ibadat khusus kerana hal inilah yang akan menjawab persoalan

yang timbul terutama untuk menilai tahap kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus dalam kalangan Saudara Kita ini benar-benar memantapkan keimanan dan keyakinan mereka terhadap ajaran Agama Islam.

Pengkaji ingin melihat bagaimana gerak kerja aktiviti, program dan kelas-kelas pemantapan akidah dan ibadat yang dikendalikan oleh Urusetia Saudara Kita (USK) terhadap Saudara Kita di Kuching Sarawak bagi mengurangkan gejala murtad yang semakin berleluasa dan kurangnya keyakinan mereka terhadap agama Islam. Pengkaji juga ingin mengupas persoalan sejauh mana usaha dan peranan organisasi dan Jabatan Agama Islam di Sarawak membimbing Saudara Kita dalam ajaran agama Islam dan usaha Saudara Kita itu sendiri mendalami dan mengikut ajaran Islam serta mempraktikkan suruhan Islam sepenuhnya.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Pengkaji berpendapat kajian ini sangat penting bagi menjelaskan kajian tentang kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus dalam kalangan Saudara Kita. Ini adalah penting untuk mencapai objektif-objektif tertentu iaitu :

- a) Menilai tahap kefahaman Saudara Kita tentang ibadat khusus yang merangkumi ibadah solat, puasa, zakat dan haji selepas pengislaman mereka.
- b) Mengkaji pelaksanaan ibadah khusus terutama ibadah solat fardhu dalam kalangan Saudara Kita di Urusetia Saudara Kita.
- c) Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh Saudara Kita di dalam memahami dan melaksanakan ibadat khusus tersebut.

- d) Mengkaji peranan yang dimainkan oleh USK dalam memberi pemahaman ibadat khusus iaitu solat, puasa, zakat dan haji kepada Saudara Kita dan membimbing mereka dalam pelaksanaan ibadat.

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

- 1) Bagi pihak Organisasi dan pertubuhan yang terlibat dengan Saudara Kita.

Kajian ini berkepentingan bagi organisasi-organisasi yang bertanggungjawab menguruskan kelas-kelas pengajian agama Saudara Kita seperti JAWI, HIKMAH, PERKIM, YADIM, JAKIM, JAIS, USK dan sebagainya. Ini kerana terdapat maklumat dan fakta yang berkaitan yang boleh dijadikan contoh, rujukan dan kajian lanjut bagi organisasi-organisasi ini untuk memantapkan lagi usaha mereka berkaitan pengurusan kelas-kelas pengajian agama Saudara Kita. Selain itu, dengan paparan fakta dan kajian yang dibawa melalui kajian ini boleh dijadikan asas rujukan bagi pembinaan pelbagai modul kelas serta pengajaran ibadat yang berkesan untuk golongan Saudara Kita ini.

- 2) Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri Sarawak.

Kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang terbabit dalam memberikan perkhidmatan terbaik terhadap pendidikan Saudara Kita, mengenal pasti cabang masalah yang berlaku di sekitar mereka, dan menjadikan aspek kajian ini sebagai salah satu rujukan yang tidak boleh diketepikan terutama dalam memberi kefahaman terhadap ajaran agama Islam yang mempunyai banyak persoalan dan perbincangan. Kajian ini juga memberi input kepada pihak-pihak yang tertentu seperti JAKIM dan JAIS dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan Saudara Kita.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Urusetia Saudara Kita (USK) diwujudkan di setiap bahagian di negeri Sarawak. USK Bahagian terdiri daripada Bahagian Kuching, Sri Aman, Saratok, Sarikei, Sibul, Kapit, Mukah, Bintulu, Miri, Limbang dan Lawas. Di Bahagian Kuching, aktiviti-aktiviti USK meliputi kawasan dari sekitar Kuching dan Petra Jaya dan melangkaui daerah Bau, Lundu dan Semantan sehingga ke Serian, Tebedu, Simunjan dan sempadan daerah Sri Aman. Ini kerana USK ditubuhkan sebagai sebuah sekretariat yang dinaungi di bawah Jabatan Agama Islam Sarawak dan USK dipilih kerana pada amnya aktiviti-aktiviti dakwah digerakkan secara langsung oleh Urusetia Saudara Kita (USK) di Negeri Sarawak<sup>4</sup>. Selain itu juga, kerana ia bersesuaian dengan keperluan pengkaji untuk memilih responden yang tidak terlalu luas skopnya selain ia merupakan negeri tempat tinggal pengkaji. Secara tidak langsung ia memudahkan pengkaji untuk melakukan kajian. Maka kajian ini hanya tertumpu kepada Saudara Kita di kawasan Kuching sahaja.

Fokus kajian ini adalah untuk menganalisis tahap kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus dalam kalangan Saudara Kita. Dalam hal ini, skop yang akan dibincangkan ialah kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus yang merangkumi solat, puasa, zakat dan haji. Maklumat tentang pelaksanaan ibadat khusus ini diperolehi daripada maklumat soal selidik dan temubual. Pengkaji sengaja memberi penekanan kepada keempat-empat ibadat ini kerana ianya ibadat yang penting diamalkan secara berterusan iaitu ibadah solat dan ibadah puasa. Bagi keadaan ibadat zakat, mereka sendiri adalah daripada golongan yang berhak menerima zakat dan mengeluarkan zakat. Ini bertujuan memantapkan keimanan mereka dan melahirkan perasaan bahawa mereka sebenarnya dihargai dan pengislaman mereka dialu-alukan.

---

<sup>4</sup> Urusetia Saudara Kita Negeri Sarawak, <http://usk.org.my>, 15 Julai 2009.

Begitu juga dengan ibadat haji yang diwajibkan hanya ke atas mereka yang berkemampuan sahaja di samping syarat-syarat lain.

Dalam kajian ini pengkaji telah mengenalpasti bidang kajian dengan membuat tinjauan tentang aktiviti dan pelaksanaan amalan ibadat Saudara Kita secara ringkas di tempat kajian. Kajian ini juga meninjau masalah-masalah yang dihadapi dalam memahami dan pelaksanaan oleh Saudara Kita terhadap ibadat khusus serta peranan JAIS dan USK dan lain-lain dalam aktiviti-aktiviti dakwah mereka terhadap pengamalan dan pemahaman ibadat solat, puasa, zakat dan haji.

## **1.7 KAJIAN LEPAS**

Terdapat banyak buku yang berkaitan dengan ibadat khusus yang ditulis oleh para cendekiawan Islam terdahulu dan kini. Tetapi hasil tinjauan pengkaji dalam mendapatkan buku-buku atau penulisan yang berkaitan dengan permasalahan secara terperinci iaitu kajian kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus dalam kalangan Saudara Kita di negeri Sarawak agak sukar diperolehi berbanding bahan-bahan kajian terhadap Saudara Kita yang lain seperti kajian terhadap pengurusan dakwah, metodologi dakwah, murtad, kefahaman qada dan qadar, kefahaman akidah dan Islam dalam kalangan Saudara Kita dan lain-lain.

Ustaz Dr. Wahbah al-Zuhailī<sup>5</sup> telah menulis tentang ibadat khusus dan ia disusun dalam kitabnya berjudul “*Al-Fiqh al-Islāmī wa Adalatuhu*” dan penulisan Ibn Qāyīm al Jawzīyah Muḥammad Ibn Abī Bakr<sup>6</sup> dalam kitabnya yang berjudul “*Zād al-M’aād fī hudā khāyr*”. Di dalam kedua-dua kitab ini memuatkan segala

---

<sup>5</sup> Wahbah al-Zuhailī (2004), *Al-Fiqh al-Islāmī wa ‘Adalatuhu*, juz. 1-3. Damshiq : : Dār al-Fikr.

<sup>6</sup> Ibn Qāyīm al Jawzīyah, Muḥammad Ibn Abī Bakr (1998), *Zād al-M’aād fī hudā khāyr*, juz. 2. Bayrut : Mu’assasah al-Risālah.

persoalan, hikmah, syarat dan hukum-hukum yang berkaitan dengan ibadat khusus iaitu solat, puasa, zakat dan haji. Seterusnya Al Imam Abū Hāmid Muḥammad bin Muḥammad al Ghazālī<sup>7</sup> juga telah menulis kitabnya yang berjudul “*Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*” tentang segala persoalan yang berkaitan dengan ibadat khusus seperti rahsia-rahsia ibadah solat, puasa, zakat dan haji.

Wahbah al-Zuhailī<sup>8</sup> juga telah menulis tentang permasalahan *mashaqqah* dalam ibadat dan ia disusun dalam bukunya “*Nazarīyah al-Darūrah al-Shar’īyah*”. Di dalam buku ini beliau memuatkan persoalan tentang bagaimana melakukan ibadah dalam keadaan sukar atau *mashaqqah*, bagaimana pandangan syari’at tentang ibadat, kesan ibadat, dan hukum ibadah tersebut apabila di dalam kesukaran untuk melaksanakannya. Buku ini juga menjelaskan bahawa bagaimana Syari’at bertoleransi terhadap umat Islam dalam melakukan ibadah ketika dalam keadaan sukar dan sempit.

Seterusnya Al-Z’ubī Bashīr ‘Abd al-Raḥmān<sup>9</sup> telah menulis satu bab khusus tentang permasalahan ini dan ia disusun dalam kitab berjudul “*Ahkām al ‘Ibādāt : al Ṭahārah, al Ṣalāh, al Zakāh, al Ṣawm, al Ḥajj*”. Di dalam kitab ini beliau memuatkan segala persoalan dan hukum-hukum yang berkaitan dengan ibadat khusus iaitu solat, puasa, zakat dan haji berdasarkan dalil syara’ yang jelas.

Selain itu, perbincangan tentang kajian terhadap Saudara Kita ini juga pernah dikaji di peringkat seminar antarabangsa. Contohnya tulisan Mudasir Rosder dalam

---

<sup>7</sup>Abū Hāmid Muḥammad bin Muḥammad al Ghazālī (t.t), *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, j. 1. Bayrut : Dār al-Ma’rifah.

<sup>8</sup> Wahbah al-Zuhailī (1982), *Nazarīyah al-Darūrah al-Shar’īyah*, Beyrūt : Mua’sasah al Risālah.

<sup>9</sup>Al Zu’bi Bashīr ‘Abd Al Raḥmān (1986), *Ahkām al ‘Ibādāt :al Ṭahārah ,al Ṣalāh , al Zakāh, al Ṣawm, al Ḥajj*, Dimashq : Dūr al-Fikr ; Bayrut : Dār al-Fikr al-Mu`āshir.

koleksi persidangan<sup>10</sup> “Kefahaman Islam di kalangan Saudara Kita (Cina) di Batu Pahat, Johor”. Berbeza dengan apa yang bakal diketengahkan oleh pengkaji, kajian ini lebih memberi tumpuan dalam aspek tahap kefahaman dalam kalangan Saudara Kita tentang Islam di samping mengkaji juga pengamalan Saudara Kita terhadap perkara asas dalam Islam dan pengamalan mereka dalam perkara tersebut seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya. Hasil kajian ini menunjukkan tahap kefahaman Islam dalam kalangan Saudara Kita adalah di tahap sederhana, walaupun begitu ada dalam kalangan mereka yang berada di tahap yang lemah.

Terdapat juga beberapa disertasi mengenai kajian terhadap Saudara Kita yang secara tidak langsung membantu pengkaji mendapatkan maklumat dengan lebih jelas, sebagai contoh kajian oleh Mohammad Shukri Draman (2010) yang bertajuk “Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Kita : Kajian di Pejabat Agama Islam Daerah Klang Selangor Darul Ehsan”<sup>11</sup>. Kajian ini memfokuskan kepada hal yang berkaitan dengan pengurusan dakwah terhadap Saudara Kita serta mengetahui aktiviti pentadbiran dan pengurusan yang dilaksanakan terhadap Saudara Kita. Bagaimanapun, skop kajian dan penulisan ini lebih kepada pengurusan dakwah di Pejabat Agama Islam di Selangor dan tidak berkaitan sepenuhnya dengan fokus kajian dan penulisan pengkaji yang ingin mengetahui tahap kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus dalam kalangan Saudara Kita di Urusetia Saudara Kita (USK) Kuching Sarawak.

---

<sup>10</sup> Mudasir Rosder (2005) , Kefahaman Islam Di Kalangan Saudara Kita (Cina) di Batu Pahat, Johor, dalam Wan Abd.Hamid Wan The (eds), (Seminar Antarabangsa Budaya Dan Pemikiran Antara China Dan Malaysia) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 585.

<sup>11</sup> Mohammad Shukri Draman (2010), Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Kita : Kajian di Pejabat Agama Islam Daerah Klang Selangor, Sarjana Usuluddin (Disertasi) Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Di dalam kajian disertasi yang lain, kajian oleh Noor Izura Binti Yusof (2008)<sup>12</sup> yang bertajuk "Tahap Penguasaan Tajwid Dalam Bacaan Al-Quran Di Kalangan Saudara Kita : Kajian Khusus Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Jalan Ipoh, Kuala Lumpur". Kajian ini adalah mengkaji masalah yang dihadapi oleh PERKIM dan Saudara Kita dalam menguasai ilmu tajwid, meneliti usaha-usaha pengajian al-Quran yang dilaksanakan oleh PERKIM terhadap Saudara Kita serta mengkaji tahap kefahaman dan penguasaan mereka dalam pembacaan al-Quran. Berbeza dengan apa yang bakal diketengahkan oleh pengkaji, kajian ini lebih memberi tumpuan dalam aspek tahap penguasaan ilmu tajwid dalam bacaan al-Quran. Daripada hasil kajian ini, penulis tersebut telah membuat analisis mengenai tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan Saudara Kita dan tahap keupayaan al-Quran Saudara Kita adalah tahap sederhana dan lemah. Namun begitu mereka telah menunjukkan kesungguhan dan kegigihan dalam mempelajari al-Quran.

Selain itu, perbincangan tentang Saudara Kita ini juga pernah di kaji oleh Tengku Nurhayati Tengku Hamzah (2006)<sup>13</sup> yang berjudul "Saudara Kita Di Kelantan : Suatu Kajian Mengenai Dorongan Dan Cabaran Di Kota Bharu Kelantan". Berbeza dengan apa yang bakal diketengahkan oleh pengkaji, kajian ini lebih memberi tumpuan khusus mengenai dorongan dan cabaran yang dilalui oleh Saudara Kita di Kelantan. Selain itu kajian ini juga turut menjelaskan tentang peranan badan kerajaan dan NGO yang terlibat sebagai pendorong dan cuba menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh Saudara Kita. Selain itu, pengkaji

---

<sup>12</sup> Noor Izura Binti Yusof (2008), Tahap Penguasaan Tajwid Dalam Bacaan Al-Quran Di Kalangan Saudara Kita : Kajian Khusus Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, Sarjana Usuluddin (Disertasi) Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

<sup>13</sup> Tengku Nurhayati Tengku Hamzah (2006), Saudara Kita Di Kelantan : Suatu Kajian Mengenai Dorongan Dan Cabaran Di Kota Bharu Kelantan, Sarjana Usuluddin (Disertasi) Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.



juga merujuk kepada kajian oleh Mohammad Hasnil Abu Bakar (2004) yang bertajuk ” Peranan Unit Dakwah Saudara Kita Jabatan Agama Islam Selangor Dalam Menangani Hak Dan Kedudukan Mualaf”<sup>14</sup>. Kajian ini telah melihat bagaimana JAIS menjalankan amanah terhadap Saudara Kita terhadap hak dan kedudukan mualaf dan melihat pelaksanaan program yang telah dirancang dan mencadangkan beberapa jalan lain bagi meningkatkan kebajikan juga kualiti golongan ini dari taraf ’kelas tiga’ kepada *first class* muslim.

Sedikit kelainan dalam kupasan yang dibuat oleh Nor Raudah Siren (2000)<sup>15</sup> dalam *Jurnal Usuluddin*, “Isu Saudara Kita Dalam Media Islam” di mana ianya membicarakan tentang permasalahan yang dihadapi Saudara Kita dan harapan mereka yang dibawa oleh media Islam iaitu majalah pada tahun 1990-1999 seperti majalah *Al-Islam*, majalah *Dakwah*, majalah *Cahaya* dan majalah *Ummi*. Beliau menjelaskan bahawa bagaimana media Islam itu sendiri membawa isu masalah dan harapan Saudara Kita sebahagiannya seperti krisis indentiti dan layanan buruk dari masyarakat Islam tetapi mereka tidak pernah mengaku kalah berazam untuk mempelajari Islam dengan harapan masyarakat Islam memberi bimbingan dan keperihatinan mereka terhadap Saudara Kita. Kajian ini dapat menyedarkan masyarakat umum, pihak organisasi dan Jabatan Agama Islam tentang masalah Saudara Kita dan lebih menjadi masyarakat yang prihatin dan penyayang. Namun begitu, perbincangan yang diketengahkan oleh penulis ini hanya berkaitan masalah atau isu Saudara Kita dalam media Islam dan ini berbeza dengan fokus kajian pengkaji yang memfokus kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus dalam kalangan Saudara Kita di samping mengenal pasti masalah-masalah mereka juga.

---

<sup>14</sup> Mohammad Hasnil Abu Bakar (2004), Peranan Unit Dakwah Saudara Kita Jabatan Agama Islam Selangor Dalam Menangani Hak Dan Kedudukan Mualaf, Sarjana Syariah (Disertasi) Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>15</sup> Nor Raudah Siren, Isu Saudara Kita Dalam Media Islam, *Jurnal Usuluddin* (2000), bil.11-12, h. 67.

Berbeza dengan penulisan oleh M.Y. Jaafar (1991)<sup>16</sup> iaitu berjudul "Pengalaman PERKIM Tentang Saudara Kita, Masalah dan Penyelesaian". Penulisan ini mengupas tentang pengalaman PERKIM dalam berdakwah dan mengendalikan Saudara Kita dan ia menyentuh beberapa masalah yang menyangkut peranan dakwah PERKIM serta mencadangkan beberapa pendekatan bagi mengatasi masalah yang lalu dan akan datang dan masalah Saudara Kita. Di dalam penulisan ini juga membawakan beberapa isu-isu tentang masalah PERKIM seperti kekurangan tenaga pekerja, kekurangan kewangan dan sebagainya serta masalah Saudara Kita seperti mereka disingkir keluar oleh keluarga dan tidak diterima oleh orang-orang Islam sendiri kerana menyangsikan kejujuran mereka memeluk Islam. Penyelesaian dalam masalah ini dengan pelaksanaannya yang tersusun dengan baik, tenaga-tenaga pekerja mahir serta peruntukan kewangan yang mencukupi dan Saudara Kita akan mendapat susulan lanjut (*follow up*) didikan agama serta kelas lanjutan dilipatgandakan.

Dalam isu yang lain, Azahar Yaakub<sup>17</sup> di dalam kajiannya secara tidak langsung membantu untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Kajian ini bertajuk iaitu "Murtad Dalam kalangan Saudara Kita Keturunan India". Dalam kajian ini, penulis mengkaji sejauhmanakah gejala murtad melanda umat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutama yang menimpa Saudara Kita keturunan India. Dalam kajian ini, masalah murtad yang berlaku dalam kalangan Saudara Kita keturunan India ada kalanya berpunca dari diri seseorang itu, dan kadang-kadang berlaku secara terancang dan dirancang oleh anasir-anasir luar dan dimana penulis ini juga membawa isu murtad umat Islam dan Saudara Kita

---

<sup>16</sup> M.Y. Jaafar (1991), *op.cit*, h. 51.

<sup>17</sup> Azahar Yaakub (2000), Murtad dalam kalangan Saudara Kita Keturunan India : Satu Kajian di Wilayah Persekutuan, Sarjana Usuluddin (Disertasi) Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

dalam penjelasan yang ringkas melihat bagaimana pentingnya kefahaman dan penghayatan Islam, akidah dan ibadah menjadi elemen penting di dalam memantapkan keimanan dan keyakinan Saudara Kita terhadap agama baru yang mereka anuti.

Daripada sorotan literatur yang dilakukan, dapatlah pengkaji merumuskan bahawa masih kurang penyelidikan berkaitan tentang Saudara Kita dan banyak persoalan yang perlu diketahui tentang Saudara Kita seperti kajian terhadap mengenal pasti kesungguhan mereka dalam mempertahankan akidah Islamiah serta ajaran-ajaran Islam dan ibadat khusus terutama kefahaman dan pelaksanaan dalam kalangan Saudara Kita di Negeri Sarawak khususnya secara terperinci. Justeru, kajian yang akan dilakukan ini adalah untuk mengisi kekosongan dan kelompongan yang ada supaya ia akan menambah baik kekurangan yang ada di bidang peyelidikan pengkaji nanti.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

### **1.8.1 Reka Bentuk**

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah bersifat gabungan kualitatif dan kuantitatif. Kaedah gabungan ini melalui kaedah menemubual (kualitatif) subjek kajian dan memberi soal selidik (kuantitatif) kepada subjek kajian untuk dijawab. Kajian ini menggunakan kaedah yang dilakukan untuk mengumpul data dan maklumat secara terus daripada sekumpulan subjek<sup>18</sup>. Metodologi yang digunakan bertujuan untuk menjelaskan dan mendapatkan maklumat mengenai kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus dalam kalangan

---

<sup>18</sup> Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1*, Kuala Lumpur : The Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, h.109.

Saudara Kita. Oleh itu, beberapa langkah diambil bagi memastikan kajian ini memperoleh dapatan menyeluruh melalui usaha pengumpulan dan analisis data.

### **1.8.2 Pengumpulan Data**

#### **a) Kajian Perpustakaan (*Library Research*)**

Pengkaji menggunakan kajian perpustakaan atau *library research* yang dilaksanakan pada keseluruhan bab penulisan terutamanya di dalam bab satu hingga bab ketiga. Bab satu menghuraikan tentang bab pengenalan iaitu membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif, kepentingan kajian, kajian lepas dan metodologi kajian. Manakala bab kedua menjelaskan tentang falsafah ibadat dalam Islam dan bab ketiga membincangkan tentang pengurusan Urusetia Saudara Kita (USK) serta kedudukan Saudara Kita di Sarawak, organisasi dan pertubuhan yang mempunyai hubungan dengan Saudara Kita serta cabaran Saudara Kita di Sarawak seperti dakwah Kristianisasi dan kes murtad terhadap Saudara Kita. Antara bahan-bahan yang dirujuk adalah seperti buku teks, tesis, disertasi, akhbar, kertas seminar, jurnal, bahan di laman sesawang dan sebagainya sama ada berbentuk bahasa Melayu, Inggeris mahupun Arab. Untuk tujuan tersebut, pengkaji telah menggunakan Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Awam Kuching Sarawak. Pengkaji memilih bahan-bahan sama ada ianya bahan primer atau sekunder.

#### **b) Metode Dokumentasi**

Metode ini digunakan secara khusus di dalam bab yang ketiga dengan melakukan pembacaan terhadap dokumen-dokumen USK yang mempunyai hubungkait

dengan persoalan tajuk kajian seperti kes murtad di Negeri Sarawak, aktiviti-aktiviti Saudara Kita, laporan-laporan dan lain-lain lagi.

**c) Metode Soal Selidik**

Metode ini digunakan secara khusus di dalam bab keempat. Dalam mengumpulkan data untuk kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif yang mana maklumat dikumpul berdasarkan kepada soal-selidik yang diedarkan kepada responden. Soalan-soalan dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A merupakan demografi responden dari segi jantina, umur, bangsa, agama asal, tahap pekerjaan dan pendidikan, status perkahwinan dan faktor memeluk Islam. Bahagian B pula dibahagikan kepada 2 bahagian. Bahagian B1 meliputi maklumat tentang kefahaman dan pengetahuan tentang ibadat khusus merangkumi solat, puasa, zakat dan haji dan bahagian B2 pula meliputi maklumat latar belakang mengenai pelaksanaan ibadat khusus dalam kalangan Saudara Kita. Metode ini digunakan kerana melaluinya, pengkaji dapat mencapai objektif ketiga kajian pengkaji dan secara tidak langsung juga, ia membantu pengkaji melihat samada objektif ketiga kajian tercapai.

**d) Metode Temu Bual (*In-Depth Interview*)**

Metode ini digunakan di dalam bab ketiga dan keempat dan ianya amat penting dalam kajian ini kerana melaluinya pengkaji dapat mengumpul atau mendapatkan maklumat kajian yang diperlukan dengan lebih tepat dan jelas. Dalam bab ketiga kaedah temubual yang dilakukan adalah berbentuk semi-struktur kerana bentuk ini memudahkan pengkaji untuk menyoal sebilangan soalan formal berkaitan pengurusan Urusetia Saudara Kita (USK) dan juga perkara yang berkaitan dengan cabaran Saudara Kita di USK, serta kes murtad Saudara Kita di Sarawak

yang telah dibina dan juga diberi kebebasan untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan responden kepada satu soalan formal yang ditanya<sup>19</sup> kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab atas bimbingan untuk Saudara-saudara Kita di USK dan pegawai JAIS yang terlibat dengan pengurusan Saudara Kita di Sarawak. Selain itu juga beberapa orang tenaga pengajar yang terlibat. Manakala dalam bab keempat, pengkaji menggunakan metode temubual secara mendalam (*In-Depth Interview*) dan ianya amat penting dalam kajian ini kerana melaluinya pengkaji memperoleh maklumat yang diperlukan dengan lebih tepat dan jelas. Temu bual yang dilakukan adalah berbentuk semi-struktur kerana bentuk ini memudahkan pengkaji untuk menyoal beberapa orang Saudara Kita atau responden di USK Bahagian Kuching tentang kefahaman dan pelaksanaan ibadat khusus dan juga perkara yang berkaitan dengan masalah, peranan USK dan JAIS serta perkara yang berkaitan dengan ibadat khusus dalam kehidupan mereka. Bagi menjadikan kaedah temu bual ini lebih bersifat objektif dan boleh dipertanggungjawabkan, beberapa kaedah yang lebih bersifat mikro telah dijalankan :-

- 1) Pengkaji telah mengadakan temujanji dengan 8 orang Saudara Kita yang terdiri daripada 4 orang lelaki dan 4 orang perempuan. Pengkaji telah memastikan mereka dapat meluangkan masa yang terbaik dan tidak mengganggu urusan harian mereka semasa menemubual mereka.
- 2) Proses temu bual dibahagikan kepada dua sesi, dimana sesi pertama dimulakan dengan pengenalan bagi menjelaskan maksud dan tujuan kajian kepada orang yang ditemu bual disamping meminta responden

---

<sup>19</sup> *Ibid.*, h.116.

megisi borang maklumat diri dan borang soal selidik khas untuk responden yang ditemu bual. Manakala sesi kedua ialah sesi temu bual sebenar yang lebih serius dan berfokus kepada isi kandungan sebenar kajian<sup>20</sup>.

- 3) Untuk memastikan maklumat tidak diragui dan kedudukan orang ditemu bual tidak terjejas, pengkaji telah memaklumkan objektif dan tujuan kajian serta menyatakan bahawa segala perbualan yang dirakam tidak disembarkan dan ianya hanya menjadi koleksi peribadi pengkaji.
- 4) Temu bual dilakukan dengan menggunakan pita rakaman (*mp4*) dan kemudian dipindahkan dalam bentuk penulisan di mana soalan-soalan yang rapi telah disediakan terlebih dahulu. Di samping itu, beberapa soalan spontan juga digunakan kesan daripada respon jawapan responden yang ditemubual.
- 5) Isi kandungan temu bual ini telah dipatikan agar ianya lebih bersifat menjurus kepada skop dan tumpuan kajian.
- 6) Kaedah trigulasi telah digunakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul melalui temu bual<sup>21</sup>. Melalui kaedah ini, pengkaji tidak hanya bergantung kepada seorang yang ditemu

---

<sup>20</sup> Lihat sebagai contohnya kajian yang menggunakan kaedah ini di dalam Suseela Malakolunthu (2001), "Pengumpulan dan analisa data kuantitatif ; Satui mbasan" dalam Marohaini Yusuf (ed), *Pengkajian Kualitatif : Pengamalan Kerja Lapangan Kajian*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h. 123-125.

<sup>21</sup> Janasik Valeria (1994), "*The Dance of Qualitative Research Design*", dalam Norman K. Denzin (ed), *Handbook of Qualitative Research*. California: Sage Publications, h. 214-215.

bual sahaja, tetapi meluas kepada mereka yang lain supaya data yang diperoleh adalah tepat dan konsisten.

**e) Metode Observasi**

Bagi mendapatkan gambaran yang jelas, pengkaji telah menggunakan metode ini sebagai cara untuk memahami dan melihat sendiri aktiviti-aktiviti dan pelaksanaan ibadat solat fardhu berjemaah yang berlangsung semasa program diadakan di lokasi kajian. Ini difokuskan kepada ibadah solat fardhu sahaja kerana ibadah lain seperti puasa, zakat dan haji di luar bidang kuasa kajian dan hanya mendapat maklumat daripada soal selidik. Metode ini digunakan di dalam bab kelima. Dari pengamatan ini pengkaji akan membuat catatan mengenai objektif yang dikaji dan proses ini merupakan proses yang penting dalam penyusunan kajian kerana ia menjadikan perbincangan lebih bersifat hidup dan berbentuk semasa<sup>22</sup>.

**f) Metode Persampelan**

Responden kajian ini lebih khusus kepada Saudara Kita di USK, Kuching Sarawak. Dalam kajian ini, pengkaji memilih sekumpulan subjek daripada populasi sebagai responden kajian. Subjek kajian dipilih daripada populasi melalui prosedur persampelan bola salji. Persampelan bola salji (*snow ball sampling*) merujuk kepada prosedur persampelan di mana responden kajian diminta untuk mencadangkan subjek lain yang mempunyai ciri-ciri yang sesuai untuk kajian. Ia digunakan adalah kerana pengkaji tidak dapat memperoleh senarai nama subjek dalam populasi yang mempunyai ciri-ciri yang sama<sup>23</sup>.

---

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> Chua Yan Piaw (2006), *op.cit.*, h. 202.



Responden dalam kajian ini seramai 48 orang Saudara Kita. Soal selidik dijalankan terhadap 40 orang Saudara Kita yang terdiri daripada 4 orang lelaki dan 36 orang perempuan, manakala temu bual dijalankan terhadap 8 orang Saudara Kita terdiri daripada 4 lelaki dan 4 perempuan.

### **1.8.3 Analisis Data**

#### **a) Metode Induktif**

Metode Induktif ini digunakan dalam bab yang ketiga dan keempat untuk mengenal pasti yang berkaitan pengurusan Urusetia Saudara Kita (USK) dan juga perkara yang berkaitan dengan cabaran Saudara Kita di USK, serta kes murtaid Saudara Kita di Sarawak.

#### **b) Metode Deduktif**

Metode deduktif ini digunakan di dalam bab yang keempat dan kelima ketika pengkaji mengkaji berkenaan kefahaman dan pelaksanaan Saudara Kita. Kaedah ini merupakan satu cara menganalisis data yang diasaskan kepada cara berfikir dengan mengambil data-data umum bagi mencari kesimpulan dalil yang lebih khusus. Melalui kaedah ini, pengkaji melihat kefahaman responden tentang solat, puasa, zakat dan haji secara umum, pelaksanaan ibadah-ibadah mereka dan seterusnya membuat analisis apakah peranan USK serta masalah yang mereka hadapi dalam memahami serta melaksanakan ibadat khusus tersebut.

#### **c) Metode Komparatif**

Metode ini digunakan di dalam bab yang keempat dan kelima di mana ia merupakan satu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan antara fakta dan data yang diperolehi dalam tempoh kajian yang dibuat. Pada peringkat ini, pengkaji mengumpulkan segala data yang berkaitan dengan

persoalan kefahaman terhadap ibadat khusus dan bagaimana pelaksanaannya dalam kalangan Saudara Kita. Seterusnya membuat generalisasi keputusan atau hasil kajian serta kesimpulan.